

# CANDAZOLE V SINGLE DOSE CREAM

Clotrimazole (10% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Candazole V Single Dose Cream
2. Bagaimana Candazole V Single Dose Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Candazole V Single Dose Cream
4. Cara menggunakan Candazole V Single Dose Cream
5. Semasa menggunakan Candazole V Single Dose Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole V Single Dose Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Candazole V Single Dose Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Candazole V Single Dose Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

**Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Candazole V Single Dose Cream

Candazole V Single Dose Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat di faraj dan melegakan kegatalan dan kerengsaan di sekeliling faraj wanita.

Jangkitan ini boleh menyebabkan gejala-gejala berikut:

- Kegatalan faraj
- Kesakitan faraj
- Masalah keputihan
- Kesakitan semasa membuang air kecil

## Bagaimana Candazole V Single Dose Cream berfungsi

Ubat ini mengandungi *clotrimazole* yang merupakan ejen antikulat spektrum yang luas (bahan yang boleh merawat penyakit yang disebabkan oleh jangkitan fungus). Ia menghalang biosintesis untuk ergosterol (sejenis sterol yang terdapat dalam tisu haiwan atau tumbuhan dan menghasilkan vitamin D apabila terkena sinaran ultraungu) atau sterol lain, merosakkan membran sel kulat dan mengubah kebolehterapan membran. Dalam *Candida albicans*, *clotrimazole* menghalang transformasi blastospores (spora yang dihasilkan oleh kulat melalui proses pertunasan) ke dalam bentuk mycelial invasif (bahagian vegetatif kulat yang berupa jalur dan bercabang, seperti hifa kulat).

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Candazole V Single Dose Cream

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Candazole V Single Dose Cream sekiranya anda mempunyai alahan kepada:

- Ubat-ubatan yang mengandungi Clotrimazole atau bahan-bahan lain

Tanda-tanda tindak balas alahan boleh termasuk Bengkak atau bahagian badan di mana rawatan telah digunakan; ruam, gatal-gatal atau gatal pada kulit.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan yang disenaraikan di atas, bincang dengan ahli farmasi.

### - Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya:

- Jika anda mempunyai alahan kepada rawatan topikal lain
- Jika anda hamil atau mencuba untuk mengandung

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Candazole V Single Dose Cream. Jika anda telah memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda, ikut arahan mereka berhati-hati.

Jika anda sedang menyusukan bayi, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Candazole V Single Dose Cream supaya mereka dapat berbincang dengan anda tentang manfaat dan risiko yang akan terlibat dengan rawatan.

Tiada laporan bahawa bahan aktif, Clotrimazole dirembes ke dalam susu ibu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada interaksi ubat dengan Candazole V Single Dose Cream telah dilaporkan.

## Cara menggunakan Candazole V Single Dose Cream

### - Berapa banyak harus digunakan

Gunakan Candazole V Single Dose Cream seperti yang ditetapkan oleh doktor or ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan

Cuci tangan anda sehingga bersih sebelum mengendalikan krim atau menggunakan aplikator. Krim ini lebih baik dimasukkan pada waktu malam, sebelum tidur dengan menggunakan satu aplikator. Penggunaan sebelum tidur akan mempunyai kesan rawatan yang terbaik. Menggunakan aplikator yang baru bagi setiap dos.

- Berapa lama perlu digunakan

Untuk merawat jangkitan kulat di faraj, isikan aplikator penuh dengan krim (5g) dan masukkan intravaginally, sebaik-baiknya sebelum tidur.

Untuk melegakan gatal-gatal di sekeliling faraj, sapukan jumlah yang kecil Candazole V Single Dose Cream pada kawasan yang terjejas dua kali sehari. Untuk mencegah jangkitan semula, rakan (seksual) perlu dirawat dengan Candazole V Single Dose Cream pada masa yang sama walaupun tiada tanda-tanda jangkitan.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda ingat. Kemudian kembali ke jadual biasa anda. Terus menggunakan krim sehingga jadual rawatan telah selesai. Tiub ini mengandungi krim sebanyak 10g yang mencukupi untuk 1 dos aplikasi. Jangan tambahkan dos bagi dos yang tertinggal. Jika anda terlepas beberapa dos, beritahu doktor anda.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini sehingga anda telah selesai jadual rawatan anda.


Jika anda berhenti menggunakan ubat ini tiba-tiba, keadaan anda mungkin akan menjadi lebih teruk.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)


Jika anda secara tidak sengaja mengambil terlalu banyak, pergi berjumpa doktor anda serta-merta.

- Cara menggunakan


1. Tekan pelocok sepenuhnya ke dalam aplikator. Buka penutup tiub dan cucuk permukaan penutup tiub dengan menggunakan bahagian tajam di hadapan penutup. Tolak ke dalam tiub aplikator tersebut.



2. Picit tiub daripada bawah sehingga applicator diisi sepenuhnya. Keluarkan aplikator yang telah penuh diisi daripada tiub.



3. Sambil baring, masukkan aplikator sehingga ia sampai ke laluan faraj. Tekan dengan lembut aplikator sehingga semua krim dikeluarkan ke dalam laluan faraj.



4. Keluarkan aplikator dari faraj perlahan-lahan & lupuskan aplikator dengan cara yang selamat.

**Semasa menggunakan Candazole V Single Dose Cream**

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan. Dapatkan nasihat doktor jika gejala tidak hilang dalam tempoh 7 hari, atau menjadi teruk dalam tempoh rawatan 3 hari.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Candazole V Single Dose Cream untuk merawat bahagian-bahagian lain kecuali dimaklumkan oleh doktor anda.

Jangan memberi rawatan kepada orang lain, walaupun jika anda megesyaki mereka mengalami keadaan yang sama.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini sehingga anda telah menyelesaikan kursus rawatan.

Jika anda tiba-tiba berhenti menggunakan ubat ini, keadaan anda mungkin menjadi lebih teruk.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sebaik-baiknya rawatan perlu mengelakkan haid.

Candazole V Single Dose Cream boleh mengurangkan keberkesanan dan keselamatan produk getah, seperti kondom dan gegendang. Kesan ini adalah sementara dan hanya berlaku semasa rawatan.

Untuk Kegunaan Luar Sahaja. Elkakan sentuhan dengan mata. Jika sentuhan berlaku, basuh dengan air secukupnya. Jika keadaan menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan tetap produk ini seperti yang diarahkan, sila jumpa doktor anda.

Sediaan ini mengandungi benzyl alcohol. Penggunaannya harus dielakkan pada kanak-kanak di bawah 2 tahun. Jangan gunakan pada bayi.

**Kesan-sesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Candazole V Single Dose Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapat kesan sampingan. Seperti semua ubat-ubatan, beberapa orang mungkin alah kepada krim.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapatkan kesan sampingan yang berikut:

- Abdominal atau sakit perut
- Iritasi kulit

Jika mana-mana perkara di atas berlaku ke atas anda atau pasangan seksual anda, rawatan perlu dihentikan.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk Kegunaan Luar Sahaja  
Tidak boleh digunakan untuk  
kegunaan pada mata (oftalmik)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.)

#### Cara penyimpanan dan pelupusan Candazole V Single Dose Cream

##### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Simpan ubat di tempat yang selamat dan jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat selepas tarikh luput yang tercatat pada label.

##### - Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.

Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Guna sebelum tarikh luput yang tertera pada bungkusan.

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna Candazole V Single Dose Cream

Candazole V Single Dose Cream 10% w/w adalah legap putih krim likat dengan sejenis bau.

Candazole V Single Dose Cream boleh didapati dalam bentuk tiub dengan penutup skru yang mengandungi 10g krim.

##### - Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:

Setiap 10g mengandungi 10% w/w *Clotrimazole*.

Bahan-bahan tidak aktif:

*Benzyl alcohol, Sorbitan monostearate, Cetyl palmitate, Cetostearyl alcohol, Polysorbate 60, Isopropyl myristate, Xanthan gum and purified water.*

##### - Nombor MAL: MAL11065001AZ

#### Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

#### Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

#### Tarikh kemaskini RiMUP

21/06/2017

#### Nombor Siri

BPFK(R4/1)21062017/00143